

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2016

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah atau rancangan Kerajaan bagi menangani masalah ketidaktentuan ekonomi dan kewangan global yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara dagangan yang terbuka, ketidaktentuan persekitaran ekonomi dan kewangan global akan memberi kesan terhadap ekonomi. Pada tahun 2015, negara berhadapan dengan kejatuhan harga komoditi kepada USD52.4 setong berbanding USD98.9 setong pada tahun 2014. Selain itu, nilai pertukaran

matawang juga turut jatuh kepada RM4.47 berbanding USD1. Berhadapan dengan senario sedemikian, Kerajaan telah dan sentiasa mengambil langkah pengurusan makroekonomi yang pragmatik dalam mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara di samping memastikan kemampanan kedudukan kewangan Kerajaan. Inisiatif ini turut memastikan ekonomi negara sentiasa berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat global demi kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Untuk maluman ahli-ahli yang berhormat,

2. Inisiatif yang telah dan akan dijalankan ini termasuk menyediakan persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur yang lengkap bagi menambahbaik persekitaran pelaburan Malaysia, menyediakan dasar bagi meningkatkan eksport, memupuk bakat untuk mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara. Usaha akan diteruskan untuk mempelbagai dan memperkukuh sumber pertumbuhan seperti menerokai pasaran eksport baharu; meningkatkan peralihan kepada aktiviti nilai tambah tinggi; meliberalisasikan sektor perkhidmatan; serta merancakkan permintaan domestik bagi mengurangkan kesan ketidaktentuan luar.

3. Usaha-usaha lain bagi mengukuhkan asas ekonomi adalah seperti dasar mesra perniagaan dan keterbukaan perdagangan, perlindungan undang-undang hak cipta, kadar cukai yang rendah, tenaga pekerja yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, sistem kewangan yang cekap dan urus tadbir korporat yang mantap dan infrastruktur yang maju akan terus diberi perhatian bagi menggalakkan aktiviti pelaburan sekaligus meningkatkan daya saing negara.

4. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan rancangan pembangunan jangka panjang bagi memastikan negara terus berdaya tahan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). RMKe-11 merupakan satu pelan strategik yang amat penting bagi menggariskan komitmen Kerajaan dalam usaha merealisasikan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Melalui RMKe-11 enam teras strategik telah diperkenalkan iaitu:

- a. memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama;
- b. meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- c. meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju;
- d. menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan;
- e. memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan

- ekonomi; dan
- f. merekayasa pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pada tahun 2016, negara sekali lagi berhadapan dengan ketidaktentuan harga komoditi serta volitiliti kewangan global. Dalam hal ini, Kerajaan bertindak pantas mengambil langkah proaktif dengan menggubal pengubahsuaian Bajet 2016 bagi memastikan ekonomi negara berada pada landasan yang betul serta tidak memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan. Antara langkah yang diumumkan semasa pengubahsuaian Bajet 2016 tersebut termasuk:

- a. terus memberi komitmen terhadap konsolidasi fiskal dengan mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus ;
- b. memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi;
- c. menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan bagi meningkatkan jumlah dan kecekapan kutipan hasil;
- d. mengurangkan kos harga barang keperluan rakyat;

- e. meningkatkan perbelanjaan sektor swasta dengan mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja sebanyak 3% mulai Mac 2016 hingga Disember 2017 serta pelepasan khas cukai sebanyak RM2,000 diberikan kepada pembayar cukai individu berpendapatan RM8,000 sebulan ke bawah untuk tahun taksiran 2015; dan
- f. menyediakan peruntukan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran menerusi inisiatif 'reskill' dan 'upskill'.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Langkah-langkah ini dijangka akan memantapkan lagi asas ekonomi, daya saing dan kemapanan ekonomi negara di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin dan penyampaian perkhidmatan sektor awam tidak terjejas. Malahan dengan langkah proaktif ini, KDNK negara terus mencatat pertumbuhan pada kadar 4.2% dalam tempoh suku pertama 2016 (Q4 2015:4.5%), meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dan kewangan global. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kekal cergas terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta dan awam serta pelaburan swasta. Oleh yang sedemikian, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2016 dijangka kekal kukuh dan

akan mencapai sasaran yang ditetapkan yaitu antara 4% hingga 4.5%.